

MESYUARAT REGIONAL BORDER COMMITTEE (RBC) YANG KE-106



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2439-mesyuarat-regional-border-committee-rbc-yang-ke-106

PENANG, 15 Sept 17 - Mesyuarat Regional Border Committee (RBC) yang ke-106 telah diadakan di Hotel Light, Seberang Jaya Penang selama tiga hari bermula 13 September yang lalu. Mesyuarat tahunan antara Malaysia dan Thailand ini dipengerusikan oleh Panglima Medan Barat Tentera Darat sebagai Pengerusi bersama RBC Malaysia iaitu YBhg Lt Jen Datuk Azizan bin Md Delim sebagai tuan rumah pada tahun ini. Ahli tetap RBC yang turut hadir adalah terdiri daripada enam kumpulan kerja utama kedua-dua negara iaitu Pengerusi Kumpulan Kerja Perisikan, Darat, Maritim, Udara, Sempadan dan Bencana.

Panglima Wilayah Udara 1, YBhg Mej Jen Dato' Hj Mohd Faudzi bin Hj Ahmad TUDM telah mewakili TUDM dalam mesyuarat ini sebagai Pengerusi Kumpulan Kerja Udara. Antara aktiviti yang diadakan adalah mesyuarat utama, golf persahabatan, lawatan ke tempat menarik sekitar Pulau Pinang, makan malam erat dan pertukaran momento. Mesyuarat pada kali ini berjalan lancar dan berjaya mencapai objektif disamping mengeratkan lagi hubungan sempadan antara Malaysia dan Thailand.

